

Mendominasi Kemahiran Penyelesaian Masalah Secara Kritis Melalui Penglibatan Kokurikulum Badan Beruniform Bulan Sabit Merah Malaysia

Fadillah Ismail^{1,*}, Ahmad Aidil Nasir¹, Roziana Haron¹ & Nur Azila Kelewon¹

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.032>

Received 01 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 01 June 2021

Abstract: This study aims to examine the extent to which the Malaysian Red Crescent (MRC) co-curricular course can shape and hone creative thinking and critical problem-solving skills to empower students to develop their personalities. It also aims to identify whether there are gender differences in critical thinking and problem-solving skills. This study is a quantitative study using questionnaires on Bachelor students in the 2019/2020 intake session who take the core co-curriculum of volunteerism, namely the Malaysian Red Crescent (MRC). The results of the study found that most respondents showed a high improvement compared to before they participated during mastery of critical thinking and problem-solving skills. It is hoped that this study will help students master these skills as well as open opportunities for students to acquire new knowledge and skills as well as strengthen existing knowledge.

Keywords: Co-curriculum, Malaysian Red Crescent, Creative thinking, Critical problem-solving skills

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana kursus kokurikulum Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dapat membentuk dan mengasah pemikiran kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dalam usaha memperkasakan mahasiswa untuk mengembangkan keperibadian mereka. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti adakah terdapat perbezaan antara jantina dalam pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kuantitatif menggunakan soalan soal selidik ke atas pelajar Sarjana Muda sesi pengambilan 2019/2020 yang mengambil kokurikulum teras kesukarelawanan iaitu badan beruniform Bulan Sabit Merah Malaysia (BBSM). Hasil kajian mendapati majoriti responden menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding kepada sebelum mereka menyertai kursus penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis yang tinggi. Kajian ini diharap dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran ini di samping akan

membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru serta memperkukuhkan pengetahuan yang sedia ada.

Kata Kunci: Kokurikulum, Bulan Sabit Merah Malaysia, Pemikiran Kreatif, Kemahiran Menyelesai Masalah

1. Pengenalan

Malaysia komited untuk menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing dalam menghadapi tekanan dan cabaran abad ke-21. Dekad ini menyaksikan, dunia Pendidikan bukan lagi berpaksikan kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira tetapi menjurus kepada kreativiti dalam penyelesaian masalah, kemahiran literasi saintifik, teknologi (Birgili, 2015; Runco, 2014) komunikasi, inovasi, kolaboratif, dan pemikiran kritis (ŽivkoviL, 2016; Ongardwanich *et al.*, 2015). Ini kerana ia merupakan kemahiran yang diperlukan untuk kelestarian dan pendidikan sepanjang hayat. Justeru cabaran dalam dunia Pendidikan dipandang serius lantaran harapan masyarakat yang tinggi terhadap sistem pendidikan. Harapan yang semakin kompleks menuntut agar sistem pendidikan mampu mempersiapkan mahasiswa yang berpakej menepati keperluan industri dan pasaran global. Perubahan pesat dalam institusi pendidikan yang bertepatan dan bersesuaian pada abad ini menuntut satu sistem pendidikan yang progresif dan dinamis ke arah pencapaian pendidikan selari dengan cabaran global (Amran *et al.*, 2019). Penekanan yang mendesak ini, berpunca dari bukti statistik yang memperlihatkan peningkatan pengangguran dalam kalangan pelajar yang mempunyai ijazah. Menurut Dewiyani (2015) keadaan ini sebenarnya menggambarkan kurangnya sinergi antara institusi pendidikan dengan syarikat atau pihak industri dalam menyediakan tenaga kerja bukan sahaja berkualiti, malah mencukupi dan menepati keperluan.

Kemahiran insaniah sangat penting bagi graduan sebaik sahaja memulakan kerjaya atau menyertai dunia perniagaan. Menurut kebanyakan majikan meskipun seseorang itu mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang dan kebolehan yang luar biasa, tetapi tidak mampu untuk berfikir dalam menyelesaikan masalah, maka ia merupakan punca kepada kegagalan memperolehi sesuatu pekerjaan (Belecina & Ocampo, 2018). Kemampuan menyelesaikan masalah secara kreatif adalah salah satu kunci prestasi utama kerana masalah baru berlaku setiap hari. Setiap masalah perlu dihadapi dan diselesaikan dengan pelbagai cara penyelesaian terbaik yang memberi semimumum kesan tetapi memaksimumkan penambahbaikan dalam keuntungan organisasi.

Kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir secara kritis mempunyai peranan penting dalam menangani masalah pelajar di sekolah, ini kerana pelajar juga tidak lari dari mengalami masalah dari semasa ke semasa. Terdapat beberapa sumber dan bukti yang menunjukkan kebanyakan pelajar tidak dapat mengatasi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dan akhirnya mengalami tekanan. Ini kerana mereka tidak tahu dan mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah (Moneva *et al.*, 2020). Malah didapati kebiasaannya, pelajar yang menghadapi masalah dan tidak dapat menyelesaikannya dengan baik akan cenderung menjadi marah, kecewa, tertekan dan kemurungan. Jika hal ini tidak diatasi dan berlarutan ia akan memberi dampak yang lebih serius dan bertambah rumit. Menyelesaikan masalah adalah satu proses berfikir untuk mengatasi halangan yang sedang dihadapi berdasarkan tujuan tertentu dan menjadi cabaran kepada seseorang, namun kejayaan dalam menyelesaikan masalah akan menimbulkan keseronokan.

Pemikiran kreatif adalah salah satu ciri tahap pemikiran daya tinggi iaitu kaedah berfikir secara logik dan rasional dalam menghasilkan idea penyelesaian baru yang tercetus bukan dari rutin persekitaran. Kemahiran berfikir secara kritis adalah penting kerana membolehkan pelajar berdepan dengan masalah sosial, saintifik, dan praktikal (Shakirova, 2007) untuk mengatasi masalah, pelajar mesti mengintegrasikan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (Toharudin, 2015). Pelajar yang mengalami masalah dan cabaran dalam kehidupan dapat meningkatkan pemikiran kritis

mereka dalam penyelesaian masalah. Ini membantu mereka menjadi lebih bermotivasi dan meningkatkan kemahiran untuk mengatur pengetahuan mereka (Belecina & Ocampo, 2018).

Pembelajaran kreatif menjadi keperluan dan objektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan mengembangkan kemampuan berfikir secara kreatif yang dianggap penting dalam revolusi Pendidikan. Malah Pembangunan dan pelaburan yang tinggi dalam modal insan terutamanya diperingkat tertiar sering menjadi keutamaan Kerajaan dalam setiap pelan Rancangan. Perhatian perlu diberikan kepada keperluan kemahiran berfikir aras tinggi untuk dihubungkan dengan penaakulan pelajar sebelum pelaksanaan strategi dalam menyelesaikan masalah yang bukan dalam konteks kebiasaan. Maka untuk melatih dan menyediakan kemahiran untuk menghadapi cabaran abad ke-21, aktiviti pembelajaran perlu dikembang dan dibangunkan (Franestian & Wiyono, 2020). Kemahiran yang perlu dikuasai merangkumi kemahiran hidup dan kerjaya, penguasaan teknologi dan kemahiran maklumat, kemahiran inovasi (Van Laar *et al.*, 2017) kemahiran sosial dan silang budaya, kepimpinan dan tanggungjawab (Ongardwanich *et al.*, 2015). Perkembangan kreativiti pelajar dan kemampuan berfikir secara kreatif melalui aktiviti kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) adalah sangat penting kepada mahasiswa. Kemahiran berfikir aras tinggi dapat didorong dalam persekitaran pendidikan melalui pendekatan konstruktif iaitu berdasarkan teori pengetahuan dan pembelajaran

Dalam konteks ini, pengajar perlu menyediakan kandungan kursus yang mendedahkan kaedah dan proses berfikir untuk memperoleh kemahiran berfikir aras tinggi (Lester, 2013). Justeru dalam menyediakan silibus pembelajaran kursus, pengajar harus lebih berhati-hati dan teliti kepada siapa sasaran kumpulan pelajar dan mendedahkan proses kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah dari peringkat asas kepada tahap yang lebih sukar (Bal-İncebacak, & Ersoy, 2016). Penguasaan kemahiran ini akan membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru serta memperkukuhkan pengetahuan yang sedia ada. Malah penekanan pada kemahiran ini sangat penting dalam melahirkan graduan berkualiti tinggi yang berdaya saing dan berpotensi tinggi dalam inovasi. (Muhammad *et al.*, 2019).

1.1 BSMM di UTHM

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) adalah sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang telah ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1948. Persatuan ini telah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1957 dan Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada tahun 1963.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia ditubuhkan pada tahun 1948 sebagai cawangan Persatuan Palang Merah Britain di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1950-an, lebih banyak cawangan persatuan ditubuhkan di Malaysia bermula di Pulau Pinang pada tahun 1950 dan kemudian di negeri-negeri lain. Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, cawangan di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu. Persatuan ini mendapat pengiktirafan oleh Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada 4 Julai 1963 dan menjadi ahli badan antarabangsa itu pada 24 Ogos 1963.

Berikutan penggabungan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak serta penubuhan Persekutuan Malaysia pada September 16, 1963, suatu penggubalan akta baru yang dikenali sebagai Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Penswastan) Akta 1965 telah bertindak menggabungkan Persatuan Palang Merah Malaya dan cawangannya Persatuan Palang Merah di Sabah dan Sarawak dibawah nama baru iaitu Persatuan Palang Merah Malaysia. Ia dibentangkan di Parlimen dan digazetkan pada 1 Julai 1965. Pada 5 September 1975, Persatuan Palang Merah Malaysia telah ditukar nama kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia selaras dengan kebenaran penukaran nama Akta Persatuan Palang Merah Malaysia kepada Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia 1975 oleh Parlimen Malaysia.

Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) mula diperkenalkan dan ditawarkan sebagai Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) pada tahun 2015 dan lebih tepat lagi pada Semester I Sesi 2015/2016. KKB BSMM terdiri daripada dua (2) kursus iaitu BSMM I (Kod Kursus UQR 11801) dan BSMM II (Kod Kursus UQR 11901). Untuk mendaftar KKB BSMM II (kursus lanjutan), pelajar perlu mendaftar kursus pra-syarat BSMM I terlebih dahulu.

Pelajar yang mengikuti BSMM I akan diberikan pendedahan tentang Pengenalan Pendidikan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Selain itu pelajar-pelajar juga didedahkan dengan Pengenalan Pertolongan Cemas (renjatan, sistem peredaran darah, luka dan pendarahan dan pengendalian mangsa tercekik). Pelajaran Kawad Kaki Asas juga turut diberikan penekanan bagi menerapkan pembentukan disiplin dan motivasi yang tinggi di kalangan pelajar. Hasil pembelajaran kursus (CLO) di akhir kursus ini, pelajar akan mampu untuk menunjukkan nilai sikap dan etika dalam melakukan penilaian dan rawatan pertolongan cemas dengan betul (C3, LOD 15, KKM 5). Pelajar juga dapat mengamalkan semangat kerja berpasukan semasa pelaksanaan projek berkumpulan (P4, LOD 7, KKM 3b) serta menerapkan etika dan profesional dalam melakukan rawatan pertolongan cemas mengikut teknik yang betul (A3, LOD 13, KKM 4a).

Pelajar yang telah mendaftar dan menjalani kursus BSMM I (sebagai pra-syarat) seterusnya boleh mengikuti kursus lanjutan iaitu BSMM II (kod kursus UQR11901). Dalam kursus ini pelajar akan diberi pendedahan tentang Keselamatan dan Pencegahan Kemalangan, Pertolongan Cemas Asas (struktur tubuh badan, sistem pernafasan, luka dan pendarahan, kecederaan tulang, rangka sendi dan otot, terbakar dan melecur, cara-cara mengangkat pesakit dan usungan, bantuan hidup asas). Hasil pembelajaran kursus (CLO) di akhir kursus lanjutan BSMM II ini pelajar akan mampu menunjukkan nilai sikap dan etika, berkebolehan melakukan tindakan awal bantuan pertolongan cemas di rumah dan tempat kerja dalam kes situasi kecemasan sebenar (C3, LOD 15, KKM 5). Pelajar juga dapat mengamalkan semangat kerja berpasukan semasa pelaksanaan projek berkumpulan (P4, LOD 7, KKM 3b) serta dapat menerapkan etika dan profesional dan semangat kesukarelawanan dalam kehidupan bermasyarakat (A3, LOD 13, KKM 4a).

2. Kajian Literatur

Konsep penyelesaian masalah termasuk dalam komponen berfikir secara kritis dan kreatif. Menyelesaikan masalah merupakan keupayaan menggunakan minda untuk mencari idea dan langkah-langkah alternatif untuk mengatasi kekurangan atau halangan yang ada untuk mencapai objektif yang dihasratkan. Menyelesaikan masalah dengan bijak adalah penting dalam kehidupan seharian kita kerana dapat memajukan lagi kehidupan dan menjadikan kehidupan kita lebih selesa dan selamat

Tiruneh *et al.* (2014) menyatakan pemikiran kritis sebagai kemampuan untuk menganalisis dan menilai sesuatu hujah mengikut kewajaran dan kredibilitinya, bertindak balas terhadap hujah dan mencapai kesimpulan melalui penyaringan dari maklumat yang diberikan. Menurut Scriven dan Paul (2007) pemikiran kritis ialah "proses disiplin intelektual secara aktif dan mahir berkonseptual, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai maklumat yang dikumpulkan atau dihasilkan dari pemerhatian, pengalaman, refleksi, penaaakuan atau komunikasi, sebagai panduan kepercayaan dan tindakan. Manakala menurut Halpern (1998) dengan memberi definisi yang lebih luas mempertimbangkan pemikiran kritis sebagai penggunaan "kemahiran kognitif atau strategi yang meningkatkan kebarangkalian hasil yang diharapkan. Beberapa penyelidik bersetuju bahawa selain daripada kemahiran kognitif, pemikiran kritis memerlukan kecenderungan ke arah bersikap kritis (Tiruneh *et al.*, 2014). Pemikiran kritis sangat penting dalam apa jua aspek dalam kehidupan, terutama dalam bidang profesional (Karakoc, 2016). Mempelajari pemikiran kritis adalah strategi yang sangat penting dalam proses pembelajaran Llyod dan Bahr (2010).

Menurut Butterworth dan Thwaites (2013), penyelesaian masalah merujuk kepada pemikiran dan perancangan yang diperlukan untuk mencapai hasil tertentu. Keupayaan untuk menyelesaikan masalah adalah kemahiran asas dalam kehidupan dan penting untuk memahami secara teknikal. Ia merupakan subset pemikiran kritis dan menggunakan strategi yang sama. Moorthi (2018) salah satu elemen yang dikenalpasti oleh majikan sebagai kualiti penting ketika mengambil lulusan kolej adalah berdasarkan kepada kemahiran penyelesaian masalah yang dimiliki. Ini kerana kebolehan menyelesaikan masalah terbukti sebagai salah satu faktor utama penentu yang membawa kejayaan organisasi dan kerjaya seseorang.

Pelajar perlu mengembangkan kemampuan untuk menerapkan kemahiran menyelesaikan masalah ketika berhadapan dengan masalah atau sesuatu masalah yang baru bagi mereka. Penyelesaian masalah boleh dilakukan dengan menggunakan deria dan fikiran. Pelajar dapat meningkatkan proses (cara berfikir) penyelesaian masalah dan merupakan elemen terpenting dalam pendidikan (Franestian & Wiyono, 2020). Menurut Hu *et al.*, (2017) dan Leisian dan Tatiana (2015) kemahiran menyelesaikan masalah secara kreatif adalah kemahiran yang diperlukan pelajar selain bidang akademik agar lebih berjaya dan cemerlang. Menurut Yöyen (2017), penyelesaian masalah adalah satu proses kognitif yang sihat dan rasional, ia memberikan penjelasan yang munasabah untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Individu yang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dilihat sebagai individu yang mempunyai keyakinan diri, berfikiran secara kreatif dan berdikari. Selain itu penyelesaian masalah secara kreatif mempengaruhi kemampuan membuat keputusan, sentiasa mencambahkan idea dan meningkatkan produktiviti. Walaupun begitu, ramai yang tidak mengetahui konsep dan pelaksanaan kemahiran penyelesaian kreatif khususnya dalam kalangan pelajar universiti (Amran *et al.*, .2019). Ini kerana penyelesaian masalah memerlukan kemampuan seseorang untuk menggunakan minda untuk meneroka idea dan mencari alternatif terbaik untuk mengatasi kekurangan atau halangan dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

Kemahiran menyelesaikan masalah membantu individu untuk mengatasi masalah dengan mudah dalam kehidupan seharian mereka (Özreçberoglu & Çağanağa, 2018). Seseorang itu menjadi lebih kreatif apabila mereka selalu menyelesaikan masalah harian dengan cara yang berbeza. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa individu dapat mengatasi segala masalah yang timbul dengan mudah kesan dari pengalaman hidup yang diperolehi dalam persekitaran kerja atau bermasyarakat (Özreçberoglu & Çağanağa, 2018).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui google form, untuk mendapatkan maklumbalas mengenai kemahiran insaniah dalam pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah dalam kalangan mahasiswa yang mengikuti kursus badan beruniform. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar sarjana muda sesi pengambilan 2019/2020 yang mengambil kokurikulum teras kesukarelawanan iaitu badan beruniform Bulan Sabit Merah Malaysia (BBSM). Instrument kajian menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi 5 soalan dan digunakan untuk mendapatkan maklumat demografik. Manakala bahagian B adalah untuk mendapatkan maklumbalas dari 15 soalan kepada responden tentang kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kreatif. Kesemua item pada bahagian B diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata. Pengedaran soal selidik berlaku secara dua fasa kepada 98 responden yang sama iaitu diawal penyertaan dan selepas tamat menyertai kursus. Instrumen yang dibangunkan telah disahkan dengan beberapa penambahbaikan oleh dua orang pakar dalam bidang pengurusan komuniti dan pembangunan pelajar. Nilai keseluruhan cronbach's alpha yang diperolehi mencatatkan bacaan yang baik iaitu 0.818, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang diterima baik.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan demografi responden bagi kajian ini di mana seramai 66 responden mewakili 67.3 peratus datang daripada jantina perempuan manakala selebihnya iaitu 32 responden iaitu 32.6 peratus merupakan lelaki. Seterusnya, majoriti responden merupakan responden berbangsa melayu dengan kekerapan 52 orang mewakili 53 peratus, diikuti 27 responden iaitu 27.5 peratus berbangsa cina. Manakala hanya 19 responden mewakili 19.3 peratus responden adalah berbangsa India. Melihat kepada usia responden kajian ini pula, majoriti responden iaitu 57 orang iaitu 58.1 peratus adalah berumur 21 tahun dan ke atas, manakala 41 responden mewakili 41.8 peratus berusia 20 tahun dan ke bawah. Seterusnya, melihat kepada tahap akademik responden, majoriti responden merupakan berkelayakan politeknik dengan 35 responden mewakili 35.7 peratus, diikuti pemegang sijil STPM iaitu dengan kekerapan 34 peratus dengan 34.6 peratus. Selebihnya, 29 orang responden (29.5 peratus) merupakan lulusan matrikulasi.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Perempuan	66	67.3
	Lelaki	32	32.6
Bangsa	Melayu	52	53
	Cina	27	27.5
	India	19	19.3
Umur	20 tahun dan kebawah	41	41.8
	21 tahun dan keatas	57	58.1
Kelayakkan	Politeknik	35	35.7
	Matrikulasi	29	29.5
	STPM	34	34.6

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan penilaian tahap penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis bagi sebelum dan selepas menjalani kursus. Pertamanya, melihat kepada tahap penilaian tahap penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis sebelum menyertai kursus, majoriti responden menunjukkan responden berada di tahap sederhana dengan 53 responden mewakili 54 peratus, serta diikuti dengan 26 responden iaitu 26 peratus responden berada di tahap rendah. Manakala, hanya 19 orang responden (19.3 peratus) berada di tahap penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis yang tinggi sebelum menyertai kursus. Bagi menilai tahap penguasaan responden selepas menyertai kursus pula, majoriti responden iaitu seramai 57 responden (58.1 peratus) berada di tahap tinggi di mana kita dapat melihat perubahan yang baik dari sudut penguasaan kemahiran responden. Manakala, 31 orang responden (31.6 peratus) di tahap sederhana diikuti dengan hanya 9 orang responden (9.1 peratus) berada di tahap yang rendah.

Jadual 2: Menilai tahap penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis

Tahap	Sebelum	Selepas
Tinggi	19 (19.3)	57 (58.1)
Sederhana	53 (54)	31 (31.6)
Rendah	26 (2.6)	9 (9.1)

Jadual 3 menunjukkan perbandingan min kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis sebelum dan selepas penglibatan dalam kokurikulum BBSM mengikut item. Secara keseluruhannya, kesemua item menunjukkan peningkatan daripada sebelum responden menyertai kursus dan sesudah melalui proses kursus tersebut.

Jadual 3: Perbandingan min kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis sebelum dan selepas penglibatan dalam kokurikulum BBSM

Item	Sebelum	Selepas
1. Saya akan merujuk beberapa orang untuk mendapatkan pandangan sebelum membuat keputusan	4.52	4.86
2. Saya mengetahui bagaimana untuk menganalisis sesuatu isu penting	4.28	5.21
3. Saya positif bila berdepan dengan sesuatu masalah dan cabaran	4.21	5.02
4. Saya berusaha menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara	4.30	4.62
5. Saya lebih terbuka dalam mentafsir, menganalisis dan menilai pelbagai pandangan	4.54	5.16
6. Saya sangat berminat terhadap sesuatu isu dan persoalan yang timbul	4.21	4.80
7. Saya menyelesaikan masalah dengan segera tanpa membazirkan masa	4.45	5.27
8. Saya tidak akan membiarkan sesukar mana masalah yang saya hadapi mengganggu kehidupan saya	4.72	5.70
9. Saya seronok dapat menyelesaikan sesuatu masalah	5.12	5.60
10. Saya suka memcuba sesuatu yang baru dan mencabar kemampuan saya	4.22	5.17
11. Saya menganalisis dan menyusun semua fakta secara sistematik apabila menghadapi masalah	4.01	4.86
12. Saya terlibat bersama dalam memikirkan isu kompleks	4.00	4.82
13. Saya membuat penilaian dan analisis secara kritikal terhadap alternatif yang ada	4.25	4.88
14. Saya cenderung untuk melihat cara bagaimana untuk menyelesaikan masalah semasa menjalankan sesuatu tugas	4.32	5.02
15. Saya dapati pertimbangan saya dipengaruhi oleh keadaan sekeliling	4.11	4.74

Jadual 4 menunjukkan perbandingan min sebelum dan selepas menyertai kursus badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi mengikut kemahiran. Secara keseluruhannya, kesemua item menunjukkan peningkatan daripada sebelum responden menyertai kursus dan sesudah melalui proses kursus tersebut. Kemahiran yang menunjukkan peningkatan nilai min tertinggi ialah kemahiran penyelesaian masalah secara kritis dengan nilai 2.2 di mana nilai min sebelum menyertai kursus adalah 2.81 manakala selepas menyertai kursus adalah 5.01. Manakala kemahiran kepimpinan mencatatkan peningkatan min kedua tertinggi dengan peningkatan 2.1. Namun begitu, kemahiran yang mempunyai peningkatan nilai min terendah ialah kemahiran pengurusan maklumat dengan peningkatan hanya 0.3. Kemahiran etika dan moral profesional serta kemahiran kerja berpasukan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 di mana mencatatkan peningkatan kedua tertinggi.

Jadual 4: Perbandingan min sebelum dan selepas menyertai kursus badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi

Kemahiran	Sebelum	Selepas
Kemahiran komunikasi	3.72	4.55
Kemahiran penyelesaian masalah secara kritis	2.81	5.01
Kemahiran keusahawanan	2.50	3.01
Kemahiran kepimpinan	3.31	5.41

Kemahiran etika dan moral profesional	3.66	4.36
Kemahiran kerja berpasukan	3.74	4.44
Kemahiran pengurusan maklumat	3.52	3.82

Pertama sekali, kita akan melihat kepada item yang menunjukkan perbezaan min yang tertinggi iaitu item kelapan iaitu 'Saya tidak akan membiarkan sesukar mana masalah yang saya hadapi mengganggu kehidupan saya' sebanyak 0.98. Nilai min sebelum menyertai kursus adalah 4.72 dan terus meningkat kepada 5.70 selepas selesainya menyertai kursus tersebut. Item yang menunjukkan peningkatan kedua tertinggi ialah item kedua iaitu 'Saya mengetahui bagaimana untuk menganalisis sesuatu isu penting' menunjukkan peningkatan nilai min sebanyak 0.93 bagi sebelum dan selepas responden menyertai kursus di mana nilai min sebelum menyertai kursus sebanyak 4.28 dan 5.21 selepas penyertaan. Seterusnya, perbezaan nilai min yang ketiga tertinggi merupakan item 3 dengan kenyataan 'Saya positif bila berdepan dengan sesuatu masalah dan cabaran' dengan perbezaan 0.79 di mana nilai min sebelum menyertai kursus ialah 4.21 dan seterusnya meningkat kepada nilai min 5.02.

Selain itu, perbandingan kenyataan yang mempunyai nilai min terendah ialah 0.28 bagi item keempat dengan kenyataan 'Saya berusaha menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara' di mana nilai min sebelum menyertai kursus ialah 4.30. Namun begitu, setelah menyertai kursus juga, peningkatan nilai min juga sangat rendah dengan nilai 4.62. Bagi item yang menunjukkan nilai min kedua terendah adalah item pertama iaitu 'Saya akan merujuk beberapa orang untuk mendapatkan pandangan sebelum membuat keputusan' menunjukkan peningkatan nilai hanya sebanyak 0.34 di mana nilai min sebelum menyertai kursus ialah 4.52, manakala selepas menyertai kursus adalah sebanyak 4.86. Seterusnya, nilai min yang mempunyai perbezaan min ketiga terendah ialah item kesembilan iaitu 'Saya seronok dapat menyelesaikan sesuatu masalah' dengan perbezaan 0.48 di mana nilai min sebelum menyertai kursus ialah 5.12 dan selepas menyertai kursus ialah 5.60.

Jadual 4 menunjukkan perbandingan min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah secara kritis selepas menyertai kokurikulum BBSM. Daripada jadual tersebut, perbezaan min tertinggi mengikut jantina ialah bagi item kesepuluh iaitu 'Saya sukakan mencuba sesuatu yang baru dan mencabar kemampuan saya' dengan perbezaan 0.63. Responden lelaki dilihat lebih berani dan cenderung untuk mencuba sesuatu yang baru serta mencabar kemampuan mereka berbanding dengan responden perempuan. Seterusnya, item keempat belas iaitu 'Saya cenderung untuk melihat cara menyelesaikan masalah semasa menjalankan sesuatu tugas dan dalam melaksanakan kerja seharian' menunjukkan perbezaan min kedua tinggi antara kedua jantina dengan nilai 0.48. Hal ini jelas menunjukkan responden lelaki lebih berfikir secara kritikal dengan melihat cara menyelesaikan sesuatu semasa menjalankan sesuatu tugas berbanding responden perempuan. Ini membuktikan responden lelaki lebih bersifat pemerhati yang dominan berbanding dengan responden perempuan. Namun begitu, perbezaan min yang paling kecil dengan nilai min 0.01 adalah item ketiga belas iaitu 'Saya membuat penilaian dan analisis secara kritikal terhadap alternatif yang ada antara kedua jantina. Perkara ini menunjukkan kedua-dua jantina sama ada responden lelaki atau perempuan mampu membuat penilaian dan analisis secara kritikal secara sama-rata.

Jadual 4: Perbandingan min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah secara kritis selepas menyertai kokurikulum BBSM

Item	Lelaki	Perempuan	t	Sig.
1. Saya akan merujuk beberapa orang untuk mendapatkan pandangan sebelum membuat keputusan	5.12	5.38	.376	.700
2. Saya mengetahui bagaimana untuk menganalisis sesuatu isu penting	5.18	5.10	.735	.478
3. Saya positif bila berdepan dengan masalah	5.14	4.84	.150	.863
4. Saya berusaha menyelesaikan masalah dengan	5.27	5.20	.655	.510

pelbagai cara				
5. Saya lebih terbuka dalam mentafsir, menganalisis dan menilai pelbagai pandangan	5.22	5.32	1.667	.132
6. Saya sangat berminat terhadap sesuatu isu dan persoalan yang timbul	4.82	4.70	2.054	.042
7. Saya menyelesaikan masalah dengan segera tanpa membazirkan masa	4.90	5.16	1.989	.059
8. Saya tidak akan membiarkan sesukar mana masalah yang saya hadapi mengganggu kehidupan saya	5.33	5.36	2.422	.012
9. Saya seronok menyelesaikan sesuatu masalah	5.27	4.98	1.757	.115
10. Saya sukakan mencuba sesuatu yang baru dan mencabar kemampuan saya	5.74	5.11	.724	.466
11. Saya menganalisis dan menyusun semua fakta secara sistematik apabila menghadapi masalah	4.90	5.20	2.328	.018
12. Saya terlibat bersama dalam memikirkan isu kompleks	5.27	4.92	2.220	.030
13. Saya membuat penilaian dan analisis secara kritikal terhadap alternatif yang ada	5.11	5.12	1.063	.288
14. Saya cenderung untuk melihat cara menyelesaikan masalah semasa menjalankan sesuatu tugas dan dalam melaksanakan kerja seharian	5.70	5.28	1.577	.115
15. Saya dapati pertimbangan saya dipengaruhi oleh keadaan sekeliling	4.70	4.99	.107	.983

5. Kesimpulan

Kajian yang berbentuk kuantitatif menggunakan soalan soal selidik ke atas pelajar Sarjana Muda sesi pengambilan 2019/2020 yang mengambil kokurikulum teras kesukarelawanan iaitu badan beruniform Bulan Sabit Merah Malaysia (BBSM) bertujuan untuk meneliti sejauh mana kursus kokurikulum Bulan Sabit Merah Malaysia (BBSM) dapat membentuk dan mengasah pemikiran kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dalam usaha memperkasakan mahasiswa untuk mengembangkan keperibadian mereka. Hasil kajian mendapati majoriti responden menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding kepada sebelum mereka menyertai kursus penguasaan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah secara kritis yang tinggi. Kajian ini diharap dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran ini di samping akan membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru serta memperkukuhkan pengetahuan yang sedia ada.

Penghargaan

Terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum and Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Amran, M. S., Kutty, F. M., & Surat, S. (2019). Creative Problem-Solving (CPS) Skills among University Students. *Creative Education*, 10(12), 3049-3058.
- Bal-İncebacak, B., & Ersoy, E. (2016). Problem solving skills of secondary school students. *China-USA Business Review*, 15(6), 275-285.
- Belecina, R., & Ocampo, J. Jr. (2018). Effecting change on students' critical thinking in problem solving. *Educare: International Journal for Educational Studies*, 10(2), 109-116. <https://www.reseachgate.net/publication/323141477>

- Birgili, B. (2015). Creative and critical thinking skills in problem-based learning environments. *Journal of Gifted Education and Creativity*, 2(2), 71-80.
- Butterworth, J., & Thwaites, G. (2013). *Thinking Skills: Critical Thinking and Problem Solving* (2 edition). Cambridge: Cambridge University Press
- Dewiyani, L. (2015). Pengaruh Gaya Kepemimpinan dan Lingkungan Organisasi terhadap Motivasi Kerja Dosen dan Karyawan di Jurusan Teknik Industri Universitas Muhammadiyah Jakarta. *Prosiding Semnastek*.
- Franestian, I. D., & Wiyono, A. (2020). Analysis problem solving skills of student in Junior High School. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1440, No. 1, p. 012089). IOP Publishing.
- Leisian, S., & Tatiana, P. (2015). Training Program on Creative Program at Russian Universities. *Procedia-Social and Behavioral Science*, 191, 2710-2715.
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.388>
- Halpern, D. F. (1998). Teaching critical thinking for transfer across domains: Disposition, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *American psychologist*, 53(4), 449.
- Karakoc, M. (2016). The significance of critical thinking ability in terms of education. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6(7), 81-85.
- Llyod, M. & Bahr, N. (2010). Thinking critically about critical thinking in higher education. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning*, 4(2), 2-16.
<https://www.researchgate.net/publication/228513767>
- Moneva, J. C., Miralles, R. G., & Rosell, J. Z. (2020). Problem Solving Attitude and Critical Thinking Ability of Students. *International Journal of Research-GRANTHAALAYAH*, 8(1), 138-149.
- Moorthi, S. (2018). Problem solving skills among college students. *International Journal of Innovative Research Explorer*, 5(4), 207.
- Ongardwanich, N., Kanjanawasee, S. & Tuipae, C. (2015) *Proc. World Conf. on Edu. Sci. (Malta) vol 191 (Amsterdam: Elsevier) p 737-741* <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.716>
- Özreçberoğlu, N., & Çağanağa, Ç. K. (2018). Making it count: Strategies for improving problem-solving skills in mathematics for students and teachers' classroom management. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 14(4), 1253-1261.
- Runco, M. A. (2014). *Creativity: Theories and themes: Research, development, and practice*. Elsevier.
- Scriven, M., & Paul, R. (2007). *Defining critical thinking*. The Critical Thinking Community: Foundation for Critical Thinking. Retrieved January 2, 2008, from http://www.criticalthinking.org/aboutCT/define_critical_thinking.cfm
- Shakirova, D. M. (2007). Technology for the shaping of college students' and upper-grade students' critical thinking. *Russian Education & Society*, 49(9), 42-52
- Tiruneh, D. T., Verburgh, A., & Elen, J. (2014). Effectiveness of critical thinking instruction in higher education: A systematic review of intervention studies. *Higher Education Studies*, 4(1), 1-17.
- Toharudin, U. (2015). Critical thinking and problem-solving skills: How these Skills are needed in Educational Psychology. *International Journal of Science and Research*, 78(96), 1-4. Doi: 10.21275/ART20171836
- Van Laar, E., Van Deursen, A. J., Van Dijk, J. A., & De Haan, J. (2017). The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in human behavior*, 72, 577-588.
- Yöyen, E. G., Azakli, A., Rıdvan, Ü. N. E. Y., & Demirci, O. O. (2017). Ergenlerin kişilik özelliklerinin problem çözme becerisi üzerine etkisi. *Doğu Anadolu Sosyal Bilimlerde Eğilimler Dergisi*, 1(1), 75-93.
- ŽivkoviE, S. (2016). A model of critical thinking as an important attribute for success in the 21st century. *Procedia-social and behavioral sciences*, 232, 102-108.